



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

=====

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2021

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
5. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

4 halaman tidak bercetak.

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan

- 1(a) Perakaunan mencakupi bidang yang lebih luas daripada simpan kira. Nyatakan dua skop kerja perakaunan yang berbeza daripada simpan kira.

[2 markah]

- (b) Nyatakan kesan pelarasan terhadap Untung Bersih bagi setiap item berikut:

- i) Hutang Lapuk
- ii) Hasil Belum Terperoleh

[2 markah]

- (c) Kedai Elektrik Rahman dan Rakan-rakan bercadang untuk menukar entiti perniagaan kepada Syarikat Berhad.

- i) Apakah kelebihan kepada perniagaan di atas apabila menukar entiti perniagaannya kepada Syarikat Berhad.
- ii) Nyatakan sumber modal untuk Syarikat Berhad.

[2 markah]

- (d) Berikut adalah Akaun Yuran yang diambil dari Kelab Futsal Taman Harmoni.

Akaun Yuran			
	2020	RM	
Dis 31 Pendapatan dan Perbelanjaan	20 500		Dis 31 Bank
Y	2 900		
	23 400		23 400

- i) Apakah butiran **Y**? [1 markah]
- ii) Apakah tujuan Kelab Futsal Taman Harmoni ditubuhkan? [1 markah]

- (e) Penyata Penyesuaian Bank disediakan bagi menyelaraskan baki Akaun Bank di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank. Berikan dua butiran yang dicatat di Buku tunai tetapi tiada di Penyata Bank.

[2 markah]

- 2(a) Kedai Alat Tulis Shasha menjalankan perniagaan menjual buku dan alat tulis. Urus niaga adalah secara tunai dan kredit.

Berikut adalah baki-baki Akaun Kawalan Belum Terima dan Akaun Kawalan Belum Bayar pada 1 Ogos 2021.

	Baki Debit	Baki Kredit
	RM	RM
Akaun Kawalan Belum Terima	8 500	265
Akaun Kawalan Belum Bayar	574	6 540

Pada 31 Ogos 2021, maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan perniagaan tersebut.

Buku Tunai

Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
Akaun Belum Terima	150		8 600	Akaun Belum Bayar	80		4 500
Jualan		900		Belian			1 200

	RM
Jualan kredit	6 400
Belian kredit	4 850
Peruntukan hutang ragu	150
Pindahan baki dari lejar jualan ke lejar belian	720
Hutang lapuk terpulih	210

Anda dikehendaki menyediakan

- (i) Akaun Kawalan Belum Terima [4 markah]
(ii) Akaun Kawalan Belum Bayar [5 markah]

2(b) Jamil dan Taufik adalah rakan kongsi dalam Perkongsian JNT.

Ikatan Perjanjian Perkongsian JNT adalah seperti berikut:

- (i) Faedah atas modal 10% setahun
- (ii) Faedah atas ambilan 5% setahun
- (iii) Gaji bulanan Jamal ialah RM2 000
- (iv) Untung atau rugi dibahagikan mengikut nisbah modal

Berikut adalah petikan Imbangan Duga Perkongsian JNT pada 31 Disember 2020.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal Jamil		60 000
Modal Taufik		20 000
Akaun Semasa Jamil		1 000
Akaun Semasa Taufik		700
Kenderaan (kos)	75 000	
Pinjaman Taufik (Faedah 8% setahun)		10 000
Ambilan Jamil	1 500	
Ambilan Taufik	2 000	
Gaji Jamil	20 000	
Bank	39 820	
Belian dan Jualan	36 400	89 640
Pulangan belian		2 400
Diskaun diberi	870	
Inventori pada 1 Januari 2020	10 600	
Sewa		6 900
Insurans	5 250	
Kadar bayaran	1 800	
Angkutan masuk	2 400	
Susut nilai terkumpul kenderaan		5 000

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2020 bernilai RM9 700 pada harga kos dan RM12 600 pada harga pasaran.
- (ii) Insurans tahunan ialah RM4 770.
- (iii) Ambilan barang niaga RM1 000 oleh Jamil pada 1 Julai 2020 belum direkod dalam mana-mana buku.
- (iv) Sewa diterima bulanan ialah RM800 sebulan.
- (v) Kenderaan disusut nilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 [7 markah]
- (ii) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 [4 markah]
- (iii) Akaun Semasa bagi setiap pekongsi (beruangan) [3 markah]
- (iv) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 (Catatan pada bahagian Ekuiti Pemilik sahaja) [2 markah]

- 3 Puan Fatimah memulakan perniagaan Pusat Fesyen Fatimah pada 1 November 2019. Beliau tidak menyimpan rekod perniagaan dengan lengkap. Modal pada 1 November adalah seperti berikut:

	RM
Tunai di bank	13 900
Premis (kos)	38 900
Peralatan (kos)	16 900

Maklumat berikut diperolehi pada akhir tahun kewangan 31 Oktober 2020:

(i)	Urus niaga bank adalah seperti berikut:	RM
	Penerimaan:	
	Kutipan daripada Akaun Belum Terima	54 726
	Tunai dibankkan	71 774
	Pembayaran:	
	Bayaran kepada Akaun Belum Bayar	57 858
	Kenderaan	41 900
	Penyelenggaraan kenderaan	11 716
	Belanja pentadbiran	13 700
	Belanja am	13 425
(ii)	Urus niaga tunai adalah seperti berikut:	
	Pembayaran:	
	Gaji	17 420
	Ambilan	14 700
	Belian	42 133
	Penyelenggaraan kenderaan	12 154
(iii)	Aset dan liabiliti pada 31 Oktober 2020:	
	Premis	38 900
	Peralatan	16 100
	Kenderaan	38 500
	Inventori:	
	Harga pasaran	25 740
	Harga kos	18 550
	Akaun Belum Terima	18 740
	Tunai di tangan	9 400
	Belanja Pentadbiran Prabayar	9 775
	Akaun Belum Bayar	34 170
	Gaji belum bayar	9 090

- (iv) Sepanjang tahun perakaunan, pemilik mengambil barang niaga bernilai RM2 500 untuk kegunaan peribadi namun belum direkod di dalam mana-mana buku.
- (v) Seorang pelanggan tidak dapat dikesan dan baki hutangnya bernilai RM685 dihapuskan sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (vi) Berikut adalah urus niaga kredit:

	RM
Jualan	73 466
Belian	92 028

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Bank [3 markah]
- (b) Akaun Tunai [2 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020 [11 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2020 [9 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Pemprosesan Makanan Rezza pada 30 Jun 2021.

	RM
Inventori pada 1 Julai 2020 :	
Barang siap	9 000
Bahan langsung	10 100
Alat-alat kecil	1 500
Kerja dalam proses	12 650
Belian barang siap	12 800
Belian bahan langsung	150 000
Belian alat-alat kecil	2 000
Pulangan belian bahan langsung	2 500
Gaji operator pengeluaran	140 000
Gaji pekerja pejabat	15 000
Gaji penyelia kilang	18 000
Komisen jurujual	2 200
Angkutan masuk bahan langsung	1 200
Sewa	18 000
Insurans	3 200
Kadar bayaran	13 000
Jualan barang siap	600 000
Mesin kilang	120 000
Susut nilai terkumpul mesin kilang	25 000
Bank	18 000
Royalti	2 100
Belanja membaiki mesin kilang	1 500
Angkutan keluar	1 250
Belanja am kilang	3 200
Inventori pada 30 Jun 2021 :	
Barang siap	10 000
Bahan langsung	9 500
Alat-alat kecil	700
Kerja dalam proses	10 250

Maklumat Tambahan:

- (i) Mesin kilang disusut nilaikan sebanyak 10% setahun atas kos.
- (ii) Upah langsung sebanyak RM2 000 tersilap rekod sebagai gaji penyelia kilang.
- (iii) Sewa prabayar bernilai RM300.
- (iv) Belanja am belum bayar RM800.
- (v) Jualan belum terperoleh bernilai RM3 200.
- (vi) Belanja berikut dibahagikan antara kilang dan pejabat:

	Kilang	Pejabat
Sewa	70%	30%
Insurans	60%	40%
Kadar bayaran	80%	20%

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 [15 markah]
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 [4 markah]
- (c) Berikan satu contoh komponen Belanja Langsung dalam Akaun Pengeluaran. [1 markah]

- 5(a) Najwa bercadang untuk membuka Perniagaan Kedai Dobi Najwa pada 1 Januari 2022 dengan modal permulaan seperti berikut:

	RM
Tunai di bank	3 280
Tunai di tangan	900
Kenderaan	35 000

Najwa bercadang memohon pinjaman sebanyak RM30 000 dengan kadar faedah 8% setahun pada Februari 2022. Bayaran balik pinjaman akan dibayar secara bulanan selama 4 tahun pada bulan berikutnya.

Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi perniagaan adalah seperti berikut:

- (i) Hasil daripada perkhidmatan dobi bagi Januari ialah RM10 500. Hasil ini dijangka meningkat 10% setiap bulan daripada bulan sebelumnya.
- (ii) Jumlah belian bahan pencuci bulanan adalah seperti berikut:

	RM
Januari	2 800
Februari	3 100
Mac	3 460

70% belian bahan pencuci akan dibayar secara tunai dan bakinya akan dijelaskan pada bulan berikutnya.

- (iii) Sewa bulanan ialah RM1 600
- (iv) Anggaran belanja utiliti:

	RM
Januari	1 720
Februari	1 940
Mac	2 240

- (v) Perniagaan merancang untuk membeli lima unit mesin dobi dengan kos keseluruhan berjumlah RM50 000 pada bulan Januari. Bayaran pendahuluan sebanyak 40% akan dibuat dan baki dijelaskan sepenuhnya dalam tempoh enam bulan.
- (vi) Susut nilai mesin dobi ialah 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2022.

[10 markah]

5(b) Jadual 1 menunjukkan aset bukan semasa yang dibeli dengan cek oleh Perniagaan Baiduri Enterprise.

Tarikh	Aset Bukan Semasa	Kos (RM)
1 April 2019	Mesin Olympia	12 000
1 Januari 2020	Mesin Victory	16 000

Jadual 1

Maklumat tambahan:

- (i) Mesin disusutnilaikan dengan kadar 20% setahun atas kos.
- (ii) Mesin Olympia dijual pada 31 Disember 2020 dengan harga RM9 700 dan menerima cek.
- (iii) Tahun kewangan Perniagaan Baiduri Enterprise berakhir pada 31 Disember.

Anda dikehendaki menyediakan bagi tahun 2020:

- (i) Akaun Mesin [4 markah]
- (ii) Akaun Susut Nilai Terkumpul Mesin [4 markah]
- (iii) Akaun Pelupusan Mesin [2 markah]

6(a) Berikut merupakan maklumat yang diperolehi dari Kedai Runcit Ilham.

	RM
Jualan	120 000
Belian	60 000
Pulangan masuk	3 500
Angkutan keluar	5 700
Inventori 1 Januari 2020	32 600
Akaun Belum Terima	10 250
Akaun Belum Bayar	22 220
Untung Kasar	51 900
Bank	10 000

Maklumat Tambahan :

- (i) Pada 31 Disember 2020, inventori dinilai pada harga kos sebanyak RM30 000 dan nilai pasaran sebanyak RM29 500.
- (ii) Satu invois telah diterima bernilai RM1 500 daripada pembekal. Perkara ini belum direkod dalam mana-mana buku.
- (iii) Semua jualan dan belian adalah secara kredit.

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Kos Jualan [2 markah]
- (ii) Kadar Pusing Ganti Inventori [2 markah]
- (iii) Tempoh Pembayaran Hutang [2 markah]
- (iv) Nisbah Semasa [2 markah]
- (v) Apakah yang dimaksudkan dengan Nisbah Semasa? [1 markah]
- (vi) Bagaimanakah perniagaan dapat meningkatkan Kadar Pusing Ganti Inventori? [1 markah]

- 6(b) Kedai Cenderamata dan Kraf Hani menyediakan Imbangan Duga pada 30 September 2021. Kesilapan-kesilapan berikut telah ditemui selepas penyediaan Penyata Kewangan :
- (i) Sebuah mesin sulam terpakai yang dibeli dengan cek bernilai RM5 000 telah didebitkan dalam Akaun Perabot dan dikreditkan dalam Akaun Bank
 - (ii) Faedah atas Simpanan Tetap yang diterima berjumlah RM395 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
 - (iii) Belanja membaiki premis berjumlah RM6 000 telah direkodkan dalam Akaun Premis.
 - (iv) Jualan tunai bernilai RM1 030 telah tersilap rekod sebagai RM1 300.
 - (v) Pembayaran cek kepada Perniagaan Alan bernilai RM2 000 telah didebitkan dalam Akaun Bank dan dikreditkan dalam Perniagaan Alan

Anda dikehendaki membetulkan kesilapan di atas melalui Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan)

[10 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT